

## Untuk Siaran Segera



### **PR1MA DAN REPUBLIK UZBEKISTAN KONGSI KEPAKARAN MENGENAI PEMBANGUNAN KEDIAMAN MAMPU MILIK**

**KUALA LUMPUR, 23 OGOS** – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang merupakan salah satu agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima kunjungan daripada delegasi Republik Uzbekistan yang diketuai Adiz Boboev, Timbalan Menteri Ekonomi dan Kewangan negara tersebut.

Sesi kunjungan ini menyaksikan pelbagai perbincangan serta perkongsian maklumat dan kepakaran antara PR1MA dengan delegasi Republik Uzbekistan mengenai inisiatif dan pelaksanaan pembinaan projek-projek kediaman mampu milik berkualiti di Malaysia.

Penyediaan perkhidmatan internet berkelajuan tinggi serta pengurusan fasiliti berkualiti melalui dua anak syarikat PR1MA iaitu PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB) dan PR1MA Facilities Management Sdn Bhd (PFMSB) turut diperkenalkan kepada delegasi Republik Uzbekistan. Sesi libat urus ini telah diadakan di Residensi Jalan Jubilee, salah satu projek PR1MA di Kuala Lumpur.

“Kunjungan ini merupakan satu pengiktirafan terhadap usaha PR1MA dalam memperkasa pemilikan perumahan di kalangan rakyat Malaysia, kerana ia telah menarik perhatian pihak luar negara untuk menjalankan inisiatif yang sama bagi negara mereka sendiri,” kata YBhg Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif PR1MA.

Dalam sesi kunjungan tersebut juga, PR1MA turut berkongsi maklumat berkaitan penyediaan 53,646 unit kediamannya di seluruh negara yang merangkumi 35,454 unit yang telah siap, 14,427 unit dalam pembinaan dan 3,765 unit dalam perancangan. Penyediaan kediaman berkualiti yang turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti sama ada dari aspek keharmonian sehinggalah ke sosio-ekonomi merupakan salah satu fokus utama PR1MA di dalam setiap projeknya. Ia merupakan antara daya tarikan model pembangunan PR1MA yang turut dikongsi bersama delegasi Republik Uzbekistan.

“PR1MA sentiasa mengalu-alukan perkongsian kepakaran untuk meningkatkan kebolehan kami dalam menyediakan kediaman berkualiti untuk rakyat Malaysia. Melalui kunjungan seperti ini, kami menerima maklum balas daripada pihak luar mengenai kelebihan projek-projek kami, serta aspek yang boleh ditambah baik. Saya

berharap kunjungan pada hari ini adalah permulaan kepada hubungan baik antara kedua-dua belah pihak”, sambung Datuk Seri Haji Mohd Nazri.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada hari umum di Negeri Selangor) atau emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

**-TAMAT-**

---

### **Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)**

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 dan bertanggungjawab di dalam pembangunan kediaman mampu milik berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA dibina dengan konsep holistik, iaitu turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti lestari.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep “Rumah Kita, Komuniti Kita” menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

**Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

#### **Perspective Strategies**

Amiruddin Azran ([amiruddin.azran@perspective.com.my](mailto:amiruddin.azran@perspective.com.my) / +6011-11452867)

#### **PR1MA**

Khairul Faizi Dalail ([khairul.faizi@pr1ma.my](mailto:khairul.faizi@pr1ma.my) / +6013-7029740)